



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Saujana Impian, KM 22, Jalan Cheras
43000 Kajang, Selangor

Tel : 03 87381100
Faks : 03 87390144
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj.Kami : PPDHL,UPPS 100-2/1/4 Jld (37)
Tarikh : 20 Julai 2020

En. Adillah bin Samah
Ketua Pegawai Eksekutif
XUsed Worldwide solutions Sdn Bhd
2-19-01 worldwide @ 7
Jalan Lazuardi 7/29 , Seksyen 7 ,
40000 Shah Alam , Selangor .

Tuan,

MEMOHON MELAKSANAKAN TAKLIMAT BERSAMA SEKOLAH DAN CADANGAN PENGGUNAAN APLIKASI ME12PAY UNTUK REKOD KEHADIRAN DAN SARINGAN SUHU PELAJAR DAN GURU SECARA DIGITAL DALAM PEMATUHAN GARIS PANDUAN(SOP) PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH (TANPA KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH)

Dengan hormatnya surat tuan no. rujukan ME/2020/07/07 bertarikh 7 Julai 2020 adalah berkaitan dan surat Jabatan Pendidikan Selangor no. rujukan JPNS.SPD.600-11/2/2 JLD.13 (74) bertarikh 14 Julai 2020 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat ambil maklum dan tiada halangan kepada pihak tuan untuk **Memohon Melaksanakan Taklimat Bersama Sekolah Dan Cadangan Penggunaan Aplikasi Me12pay Untuk Rekod Kehadiran Dan Saringan Suhu Pelajar Dan Guru Secara Digital Dalam Pematuhan Garis Panduan(Sop) Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah (Tanpa Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah)** seperti yang terkandung di dalam surat tuan kepada kami .

3. Kelulusan ini adalah **TERHAD** kepada urusan di antara pihak tuan dengan **pihak pengurusan sekolah** dan tiada unsur paksaan .Tuan diminta menghubungi **Pengetua / Guru besar** untuk mendapat persetujuan serta mematuhi garis panduan berikut :

- 3.1 **Menyenaraikan sekolah cadangan untuk mendapat kebenaran daripa Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) /Guru besar / Pengetua sekolah-sekolah yang terlibat dan Pihak JPN boleh meminda sekolah cadangan berdasarkan kesesuaian;**
- 3.2 **Phak JPN dan PPD berhak untuk meminda tarikh , kandungan program dan jumlah peserta (pegawai/guru/murid) yang terlibat atas prinsip kesesuaian serta keperluan program ;**
- 3.3 **Surat kebenaran/kelulusan inin tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;**
- 3.4 **Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan pegawai / guru dan murid yang terlibat dengan program ini;**
- 3.5 **Pegawai / guru dan murid tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;**
- 3.6 **Penyertaan murid dan pegawai /guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka.**



- 3.7 **Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;**
- 3.8 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;
- 3.9 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media , bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia ;
- 3.10 **Tiada sebarang perjumpaan bersama murid secara perhimpunan atau di luar kelas semasa dalam tempoh PKPP;**
- 3.11 **Tiada Implikasi kewangan kepada kepada Kementerian Pendidikan Malaysia , Jabatan Pendidikan Negeri , Pejabat Pendidikan Daerah , sekolah , pegawai / guru dan murid yang terlibat ; dan**
- 3.12 Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan **dasar KPM** yang sedang berkuatkuasa.

4. Untuk makluman tuan , pihak KPM amat menekankan perkara Melindungi Masa Instruksional , yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid.Oleh yang demikian , pihak KPM mencadangkan supaya penyertaan guru dan murid bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP atau luar waktu persekolahan atau pada hari sabtu sahaja (mengikut persetujuan sekolah).

5. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh 31 Disember 2020.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah ,


(**HAJI ARBAIN BIN PINNI**)
Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat

s.k. Fail